

Pembiayaan Sewa Beli – Kadar Tetap

(Operasi Pembiayaan kenderaan ini adalah di bawah kawalan Akta Sewa Beli 1967)

Tarikh: _____

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Pembiayaan Sewaan yang ditawarkan oleh Carsome Capital Sdn Bhd ("CCSB"). Sila dapatkan penjelasan daripada CCSB sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau syarat-syarat am.

1. Produk ini berkaitan apa?

Pembiayaan Sewaan ini direka untuk membiayai pembelian sebuah kenderaan. Caj dan faedah yang anda bayar dikira berdasarkan kadar tetap. Pemilikan kenderaan kekal dengan CCSB sehingga bayaran ansuran terakhir pembiayaan sewaan dibayar. Bergantung kepada penilaian kredit anda, CCSB mungkin memerlukan penjamin untuk menjamin kewajipan anda. Pembiayaan ini dikawal oleh Akta Sewaan 1967.

2. Apakah yang saya akan perolehi daripada produk ini?

- Harga Pembelian: RM [XX]
- Jumlah Pembiayaan Keseluruhan: RM [XX]
- Tempoh Caj: RM [XX]
- Margin Pembiayaan: Sehingga [X]%
- Tempoh Pembiayaan: Sehingga [X] bulanan
- Kadar Faedah (Tetap): [X]% setahun
- Kadar Peratusan: [X]%

Nota: Caj tempoh dan kadar adalah tertakluk kepada penilaian kredit CCSB.

3. Apakah tanggungjawab saya?

- Ansuran Bulanan: RM [XX]
- Jumlah Perlu Dibayar: RM [XX] (termasuk jumlah yang dibiayai)

Anda berkewajipan untuk membayar ansuran bulanan tepat pada masanya atau sebelum tarikh akhir. Sebarang pembayaran yang dibuat melebihi ansuran bulanan akan dianggap sebagai pembayaran pendahuluan. Pembayaran tersebut tidak mengurangkan faedah yang perlu dibayar dan tidak boleh dikeluarkan semula. Pembayaran pendahuluan akan digunakan untuk membayar ansuran yang berikutnya atau bayaran tertunggak lain.

4. Apakah caj dan bayaran yang perlu saya bayar?

Item	Perkara	Jumlah
1	Pos Surat Perjanjian	RM 5.00 setiap penerima
2	Post Notis Statutori (Jadual ke 4 & 5)	RM 5.00 setiap surat
3	Duti Setem (Perjanjian & Jaminan)	RM 10.00 setiap perjanjian

Nota: Pihak Kerajaan mungkin mengenakan cukai atas caj dan bayaran (contohnya cukai tidak langsung, cukai pemotongan yang berkaitan).

5. Bagaiman jika saya gagal untuk memenuhi tanggungjawab saya?

- **Denda Bayaran Lewat:** Faedah penalti sebanyak 8% setahun akan dikenakan pada jumlah tertunggak, dikira setiap hari.
- **Pengambilalihan Kenderaan:** CCSB berhak untuk mengambil semula kenderaan jika anda gagal membayar dua 2 bulan 21 hari ansuran bulanan berturut-turut. Semua perbelanjaan yang timbul semasa repossession akan dicaj ke akaun anda.
- **Pelupusan Kenderaan:** Jika kenderaan tidak ditebus dalam tempoh yang dinyatakan dalam Notis Jadual Kelima, CCSB akan melupuskan kenderaan tersebut dan menggunakan hasilnya untuk menampung jumlah yang tertunggak. Anda akan bertanggungjawab untuk sebarang kekurangan.
- **Tindakan Undang-Undang:** Tindakan undang-undang boleh diambil untuk mendapatkan baki tertunggak, yang akan memberi kesan negatif kepada kedudukan kredit anda.
- **Jika berlakunya kematian:** Jika penyewa meninggal dunia, pemilik boleh mengambil semula kenderaan selepas empat (4) kali berturut-turut gagal membuat bayaran ansuran.

6. Apakah risiko utama?

Anda dikehendaki memastikan pembayaran ansuran bulanan anda dibuat tepat pada masanya untuk mengelakkan repossession kenderaan. Jika anda menghadapi kesukaran untuk memenuhi kewajipan pembayaran, sila hubungi kami pada kesempatan pertama untuk membincangkan pelarasan alternatif. Kami sangat mengesyorkan agar anda tidak menyerahkan kenderaan anda kepada pihak ketiga untuk meneruskan pembayaran tanpa terlebih dahulu menyelesaikan akaun dengan CCSB, kerana anda tetap bertanggungjawab secara sah ke atas pembiayaan tersebut.

7. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh tamat?

Anda berhak mendapat rebat atas caj tempoh untuk tempoh pembiayaan yang belum tamat. Rebate ini dikira berdasarkan formula yang dinyatakan dalam Akta Sewaan 1967.

8. Perlukah saya mengambil perlindungan takaful?

Ya, anda dikehendaki untuk mendapatkan dan mengekalkan polisi insurans/takaful komprehensif untuk kenderaan yang dibiayai di bawah pembiayaan sewaan sepanjang tempoh pembiayaan sewaan.

9. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada CCSB tentang sebarang perubahan pada butiran hubungan anda (contohnya, alamat, nombor telefon) untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dengan tepat pada masanya.

10. Bagaimanakah untuk membuat pembayaran?

Anda boleh membuat pembayaran melalui saluran berikut:

Saluran Pembayaran	Caj
Perbankan Internet / IBG	RM 00.00
JomPay	RM 00.00

Nota: Jika anda menggunakan saluran pembayaran yang disenaraikan di atas, tiada caj pembayaran tambahan akan dikenakan. CCSB akan menanggung semua caj pemprosesan.

11. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Untuk kesukaran dan masalah dalam membuat pembayaran:
 - Carsome Capital Sdn Bhd, Level B-13-1, The Ascent Paradigm, No. 1 Jalan SS7/26A Kelana Jaya, 47301, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
 - Tel: 03-78905593
 - Email: cc.financing@carsome.my
- Untuk perkhidmatan kaunseling kewangan, anda boleh menghubungi AKPK:
 - Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyediakan perkhidmatan percuma untuk pengurusan wang dan kaunseling kredit.
 - Tel: +603 1800 22 2575
 - Email: enquiry@akpk.org.my
- Jika soalan atau aduan tidak dapat diselesaikan, anda boleh menghubungi:
 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
 - Tel: 03-8000 8000

12. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut mengenai produk Pembiayaan Sewaan kami, sila rujuk laman web kami www.carsome.my.

NOTA PENTING: KENDERAAN ANDA BOLEH DIAMBIL SEMULA DAN DILUPUSKAN JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN SEBAGAIMANA YANG DIPERSETUJUI..